

taip untuk carian

Since using NEM 3.0, it's been clean energy and clean savings!



AM > BERITA

KONTRAKTOR KECIL DAN SEDERHANA PENGGANDA EKONOMI LOKAL – AHMAD MASLAN

🕒 07/06/2024 09:08 PM



Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia Datuk Seri Ahmad Maslan (tengah) menyaksikan Pengarah Eksekutif Planworth Global Factoring Sdn Bhd (Planworth) Elaine Lim (dua, kiri) dan Setiausaha Agung Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F (PERKOBF Malaysia) Junida Hani Jamaluddin (dua, kanan) memeterai perjanjian persefahaman di antara Planworth dengan PERKOBF Malaysia di Pejabat Planworth Global Factoring Sdn Bhd Kuala Lumpur hari ini. Tutut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Planworth Global Factoring Sdn Bhd Datuk Andy Kuek (kanan), Presiden PERKOBF Malaysia Tukiman Radion (kiri). -- fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Industri pembinaan melalui kumpulan kontraktor kecil dan sederhana boleh menjadi 'faktor pengganda' dalam membantu mengembangkan ekonomi setempat.

Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Seri Ahmad Maslan berkata pelaksanaan projek bukan hanya memastikan kelangsungan kontraktor kecil dan sederhana tetapi juga dapat membantu syarikat pembekal tempatan berkembang.

Katanya pihaknya berharap lebih banyak projek dapat diberikan kepada kontraktor G1, G2, G3, G4, misalnya projek penambahbaikan tandas sekolah dan menaik taraf sekolah daif oleh Kementerian Pendidikan (KPM).



Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) antara Persatuan Kontraktor Kelas F Bumiputera Malaysia (PERKOBF) dan Planworth Global Factoring Sdn Bhd (Planworth) di sini hari ini.

Pada majlis itu, Plantworth menawarkan pembiayaan hampir RM700 juta kepada kontraktor kelas G1 di seluruh negara.

Dalam pada itu, Ahmad berkata pihaknya menyambut baik cadangan Presiden PERKOBF Tukiman Radion agar lebih banyak projek diberikan secara undian di peringkat daerah dan negeri bagi memastikan kontraktor kelas G1 memperoleh lebih banyak projek.



Katanya secara keseluruhan jumlah kontraktor negara ini ialah 133,500 kontraktor di mana daripada jumlah itu seramai 66,678 merupakan kontraktor kelas G1.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Planworth Datuk Andy Kuek berkata melalui kerjasama itu, Planworth komited untuk memberi lebih banyak sokongan kewangan kepada kontraktor kecil bagi membantu perniagaan mereka.

"Kami mengambil tanggungjawab dan memberi perhatian kepada kontraktor kecil di Malaysia yang turut berperanan penting dalam ekosistem ekonomi negara namun seringkali sukar mendapat bantuan kewangan," katanya.

Planworth merupakan sebuah institusi kewangan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) dan e-perolehan untuk membiayai para kontraktor, penjual dan pembekal kepada kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta.

--BERNAMA